

29 SEPTEMBER 2017

Tragedi tahfiz : Enam didakwa

Dua dituduh membunuh, empat memasukkan dadah dalam badan

Tragedi tahfiz: Enam didakwa

Oleh **HANIZA HASSAN dan NUR ATHIRAH NABILAH MUSA**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 28 SEPT.**

HARI ini genap dua minggu kejadian kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang meragut nyawa 23 penghuni termasuk dua warden-nya.

Hari ini juga, lima remaja lelaki dan seorang kanak-kanak lelaki berusia antara 12 dan 18 tahun dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini atas tuduhan membunuh dan memasukkan dadah ke dalam badan.

Di hadapan Majistret Siti Radziah Kamarudin, dua tertuduh berusia 16 tahun didakwa bersama-sama membunuh 21 pelajar dan dua warden di pusat tahfiz berkenaan di Jalan Keramat Hujung, Kampung Daut Keramat, Wangsa Maju di sini antara pukul 4.15 pagi dan 6.45 pagi, 14 September lalu.

Kedua-dua tertuduh masing-masing menghadapi 23 pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Tiada sebarang pengakuan direkodkan daripada tertuduh-tertuduh berikutan kes tersebut terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Bagaimanapun, kedua-dua remaja itu tidak boleh dikenakan hukuman mati biarpun setelah disabitkan berikutan mereka masih di bawah umur 18 tahun ketika kejadian.

Perkara tersebut tertakluk di bawah Seksyen 97(1) Akta Kanak-Kanak 2001, sebaliknya mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara selama mana yang diperkenankan Yang di-Pertuan Agong atau Yang Dipertua Negeri.

Sementara itu, kedua-dua tertuduh juvenil itu bersama dua lagi remaja dan seorang kanak-kanak turut didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak di sini atas pertuduhan memasukkan dadah ke dalam badan.

Kedua-dua tertuduh kes bunuh itu mengaku bersalah namun tiga rakan mereka yang masing-masing berusia 12, 16 dan 17 tahun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Majistret Zilfinaz Abbas.

Mengikut pertuduhan, kelima-lima tertuduh itu didakwa memasukkan dua jenis dadah iaitu ganja dan syabu ke dalam badan di tandas Pejabat D7 Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) di sini, kira-kira pukul 11.35 pagi, 16 September lalu.

Sementara itu, di hadapan Majistret Umzarul An-Nur Umar, seorang lagi rakan mereka, Mohammad Shahrul Nizam Ikmal Shahin, 18, mengaku bersalah atas dua pertuduhan memasukkan dadah jenis serupa pada masa, tarikh dan tempat sama.

Bagi pertuduhan tersebut, mereka didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda sehingga RM5,000 dan pengawasan polis tidak lebih tiga tahun.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-timbalan Pendakwa Raya, Othman Abdullah, Noridin Mohd. Ismail dan Norakmal Farhan Aziz manakala hanya tiga tertuduh berusia 12, 16 dan 17 tahun diwakili peguam, Noor Svetlana Mohd. Noor Nordin.

Mahkamah menetapkan 28 November ini sebutan semula bagi kesemua kes dan hanya membe-



SEBAHAGIAN wartawan yang menunggu di luar mahkamah cuba mendapatkan kenyataan daripada Othman Abdullah berhubung prosiding pendakwaan terhadap lima remaja dan seorang kanak-kanak berkaitan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ZAINI HUSSIN



NOOR SVETLANA



narkan tertuduh yang berusia 12 tahun diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin. Bagi yang mengaku bersalah, mahkamah belum menjatuhkan hukuman kerana menunggu laporan akhlak dan laporan kimia siap.

Kecuali kes Mohammad Shahrul Nizam, kes-kes melibatkan tertuduh bawah umur dijalanakan secara tertutup tanpa kehadiran

orang awam melainkan ahli keluarga tertuduh sahaja dibenarkan masuk ke dalam mahkamah.

Sementara itu, Noor Svetlana ketika ditemui di luar mahkamah berkata, dua anak guamnya masing-masing berusia 16 dan 17 tahun adalah adik beradik.

"Majistret tidak membenarkan adik beradik itu diikat jamin atas alasan keselamatan manakala

Kedua-dua tertuduh masing-masing menghadapi 23 pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

kanak-kanak berusia 12 tahun itu dibenarkan ikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin.

"Anak guam saya tidak mengaku bersalah kerana laporan patologi masih belum dikeluarkan dan saya mohon mereka dibenarkan ikat jamin mengikut Seksyen 387 Kanun Prosedur Jenayah kerana kesalahan ini boleh dijamin," katanya.